



SMART Revive Max¹

Kehebatan mendapatkan perlindungan hari ini
yang menjamin kekayaan masa depan



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Kehebatan mendapatkan perlindungan hari ini yang menjamin kekayaan masa depan

Setiap keluarga dan perniagaan berhasrat untuk mewujudkan warisan berkekalan - agar masa depan orang tersayang akan dilindungi dan terjaga, tidak kira apa jua berlaku dalam kehidupan. Dengan Smart Revive Max, anda bukan sahaja melindungi masa depan anda, malahan masa depan orang tersayang demi memastikan fikiran yang tenteram. Sebuah pelan insurans berkaitan pelaburan yang menawarkan perlindungan hayat dan pendapatan dengan menyeluruh, Smart Revive Max menyokong anda untuk melaluinya; memperkasakan anda untuk mengembangkan kekayaan pada waktu senang dan membantu anda apabila keadaan menjadi sukar.

Sama ada anda melindungi aset keluarga, merancang kewangan terjamin untuk jangka panjang, atau kesinambungan perniagaan, Smart Revive Max memenuhi matlamat anda pada bila-bila masa. Bagi memastikan kewangan terjamin tidak goyah, anda juga akan menikmati had bukan perubatan yang tinggi, berserta bantuan kewangan tambahan jika dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Selain itu, anda masih memperoleh kekayaan dengan yakin, apabila mengetahui perlindungan anda akan berbalik pada tahap asal selepas 24 bulan dari tarikh penarikan balik di bawah ciri Set Semula Perlindungan.

Kami juga percaya bahawa perjalanan kekayaan anda tidak seharusnya bergantung pada takdir. Inilah sebabnya Smart Revive Max meraikan pelbagai pencapaian polisi dengan ganjaran tambahan, termasuk manfaat matang tambahan berganda sebagai menghargai kehidupan penuh makna!

Ia merupakan pelan yang komited terhadap warisan anda seperti yang diinginkan — bersedia mengembangkan kekayaan dan menjamin perlindungan yang diperlukan sepanjang perjalanan hidup anda.

Manfaat sepintas lalu

Lindungi kewangan masa depan keluarga anda



Perlindungan tinggi bagi kematian dan Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)



Jaringan keselamatan tambahan sebanyak 5% jumlah asurans bagi setiap 10 tahun



Keyakinan lebih tinggi dengan perlindungan yang berbalik walaupun membuat penarikan balik sebahagian



Penambahan perlindungan dengan rider pilihan



Had bukan perubatan yang tinggi sehingga RM8.0 juta

Lindungi aliran pendapatan anda walaupun ketika sakit



Bantuan kewangan tambahan bagi kemasukan Unit Rawatan Rapi (ICU)

Tingkatkan kekayaan dan warisan anda



Beberapa ganjaran tambahan berdasarkan pencapaian polisi serta 2x manfaat matang tambahan



Pilihan tempoh pembayaran premium dan tempoh perlindungan fleksibel



Pilihan dana unit yang sesuai dengan profil risiko anda

Nikmati perlindungan berterusan



Jaminan tidak luput



Pilihan untuk menukar pelan apabila polisi matang

Lindungi kewangan masa depan keluarga anda



Perlindungan tinggi bagi kematian dan Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)

Dengan perlindungan bermula daripada RM500,000, Smart Revive Max membantu memastikan mereka yang paling penting dalam hidup anda tidak terbeban dengan kewangan sekiranya kehidupan berubah di luar jangkaan.

Sekiranya kematian yang tidak dijangka berlaku, orang tersayang anda akan menerima jumlah asurans asas termasuk jumlah asurans tambahan (jika ada) atau jumlah nilai pelaburan, mana yang lebih tinggi. Sekiranya anda mengalami Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) sebelum ulang tahun polisi dan mencapai umur 75 tahun hari jadi berikut, mereka akan menerima jumlah asurans asas termasuk jumlah asurans tambahan (jika ada), setelah ditolak jumlah nilai pelaburan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Jaringan keselamatan tambahan sebanyak 5% jumlah asurans bagi setiap 10 tahun

Smart Revive Max sentiasa mengutamakan kepentingan anda, memastikan anda dan seluruh warisan anda dilindungi lebih baik dengan jaringan keselamatan kewangan tambahan. Perlindungan anda akan meningkat sebanyak 5% jumlah asurans asas bagi setiap 10 tahun polisi, sehingga maksimum 30% jumlah asurans asas.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Keyakinan lebih tinggi dengan perlindungan yang berbalik walaupun membuat penarikan balik sebahagian

Kami memahami keperluan penarikan balik sebahagian yang fleksibel bagi menampung kewangan semasa anda. Smart Revive Max mempunyai ciri Set Semula Perlindungan iaitu jumlah asurans asas anda akan berbalik pada jumlah asal seperti sebelum penarikan balik sebahagian, pada tarikh caj insurans bulanan perlu dibayar pada atau selepas 24 bulan dari tarikh penarikan balik sebahagian, dengan syarat tiada tuntutan diterima bagi hayat yang diasuranskan dan tertakluk pada jumlah agregat maksimum sebanyak RM250,000 bagi setiap hayat.

Dengan ini, anda boleh mengakses dana apabila diperlukan tanpa menjejaskan perlindungan jangka panjang, memberikan anda ketenangan minda apabila mengetahui warisan anda kekal dilindungi sepenuhnya.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan ditingkatkan dengan rider pilihan

Anda boleh menikmati ketenangan minda dengan melampirkan pelbagai rider pada pelan Smart Revive Max. Beberapa rider pilihan tersedia untuk anda seperti berikut:

- **Smart Critical Relief**
Menyediakan perlindungan bagi kemasukan hospital dan Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk sebarang penyakit tidak diketahui yang mungkin berlaku pada masa hadapan.
- **Smart Multi Critical Care**
Rider penyakit kritikal yang membayar beberapa tuntutan serta perlindungan untuk 188 keadaan daripada peringkat awal, pertengahan dan akhir berserta manfaat khas.
- **IL Critical Illness Benefit Advance Rider**
Melindungi kewangan anda sekiranya penyakit kritikal berlaku kepada hayat yang diasuranskan.

- **IL Critical Illness Plus Rider**
Menyediakan perlindungan tambahan sekiranya penyakit kritikal berlaku kepada hayat yang diasuranskan.
- **IL Accidental Guard Rider**
Menyediakan perlindungan kewangan yang ditingkatkan dengan bayaran lebih tinggi jika kematian akibat kemalangan berlaku.
- **IL Payer Benefit Extra Rider**
Penepian premium jika kematian, hilang upaya atau penyakit kritikal berlaku kepada pembayar.
- **IL Waiver of Premium on TPD Rider**
Penepian premium jika hilang upaya berlaku kepada hayat yang diasuranskan.
- **IL Premium Waiver Extra Rider**
Penepian premium jika hilang upaya atau penyakit kritikal berlaku kepada hayat yang diasuranskan.
- **IL Premium Waiver on CI Rider**
Penepian premium jika penyakit kritikal berlaku kepada hayat yang diasuranskan.
- **IL Cash Assure & IL Invest Assure Rider**
Menyediakan Pembayaran Tunai Dijamin tahunan dengan perlindungan bagi kematian yang tidak dijangka, hilang upaya dan pemberhentian kerja.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Had bukan perubatan yang tinggi sehingga RM8.0 juta

Anda boleh dilindungi sehingga RM8.0 juta tanpa menjalani pemeriksaan kesihatan, bergantung pada umur kemasukan dan keadaan kesihatan anda.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Lindungi aliran pendapatan anda walaupun ketika sakit



Bantuan kewangan tambahan bagi kemasukan Unit Rawatan Rapi (ICU)

Sekiranya anda perlu dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) selama 5 hari berturut-turut atau lebih, Smart Revive Max menawarkan sokongan kewangan semasa kecemasan perubatan dengan menyediakan pembayaran sekali gus sehingga 5% jumlah asurans asas anda, bergantung pada jumlah asurans asas anda, bergantung pada jumlah asurans asas seperti dinyatakan dalam jadual bagi Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital. Manfaat ini membantu meringankan beban kos jagaan kesihatan yang tidak dijangka sambil memastikan pelan kewangan jangka panjang anda kekal seperti disasarkan.

Jumlah Asurans Asas	Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital (% Jumlah Asurans Asas)
Bawah RM1,000,000	2%
RM1,000,000 dan ke atas	5%

Nota:

- Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital ini boleh dibayar sekali sahaja dan tertakluk pada pembayaran agregat maksimum RM500,000 bagi setiap hayat..
- Tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, akan dikenakan terhadap Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital kecuali bagi akibat kemalangan.
- Tempoh menunggu selama 120 hari dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, akan dikenakan terhadap Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital disebabkan penyakit tertentu.
- Tempoh bertahan selama 14 hari dari hari pertama kemasukan hospital akan dikenakan.
- Tertakluk pada terma dan syarat.

Tingkatkan kekayaan dan warisan anda



Beberapa ganjaran tambahan berdasarkan pencapaian polisi serta 2x manfaat matang tambahan

Raikan pencapaian polisi sepanjang tempoh polisi anda dengan ganjaran tambahan yang direka untuk meningkatkan kewangan anda — sehingga 5% jumlah asurans asas pada setiap kali! Bergantung pada umur kemasukan, ganjaran tambahan anda akan dikreditkan dalam akaun jumlah nilai pelaburan seperti berikut:

Umur Kemasukan	Ganjaran Tambahan Dibayar pada Ulang Tahun Polisi bagi
55 tahun dan ke bawah	Umur 65 tahun hari jadi berikut dan setiap 10 tahun berikutnya
56–65 tahun	Umur 75 tahun hari jadi berikut dan setiap 10 tahun berikutnya
66 tahun dan ke atas	Umur 85 tahun hari jadi berikut dan setiap 10 tahun berikutnya

Peratusan (%) ganjaran tambahan anda dikira berdasarkan tempoh perlindungan seperti berikut:

Tempoh Perlindungan	% Jumlah Asurans Asas
Kurang atau bersamaan 19 tahun polisi	2.0%
20–34 tahun polisi	4.0%
Lebih atau bersamaan 35 tahun polisi	5.0%

Nota: Ganjaran tambahan hanya boleh dibayar dengan syarat polisi berkuat kuasa, penarikan balik sebahagian dibuat tidak melebihi 5 kali dan semua premium yang perlu dibayar hendaklah dibayar sehingga terkini. Tertakluk pada terma dan syarat.



Bukan itu sahaja: Apabila polisi matang, anda akan menerima 100% jumlah nilai pelaburan termasuk manfaat matang tambahan bagi meningkatkan simpanan anda. Pembayaran manfaat matang tambahan berbeza mengikut tempoh perlindungan seperti jadual di bawah. Manfaat matang tambahan anda akan digandakan jika tidak membuat penarikan balik sebahagian lebih daripada 5 kali dan semua premium yang perlu dibayar telah dibayar sehingga terkini!

Tempoh Perlindungan	% Jumlah Asurans Asas
Kurang atau bersamaan 19 tahun polisi	2.0%
20–34 tahun polisi	4.0%
Lebih atau bersamaan 35 tahun polisi	5.0%

Bagi pelan dengan tempoh perlindungan sehingga umur 90 tahun hari jadi berikut, manfaat matang tambahan di atas akan dibayar sekiranya kematian berlaku pada atau selepas ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 80 tahun hari jadi berikut.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Pilihan tempoh pembayaran premium dan tempoh perlindungan fleksibel

Smart Revive Max ialah pelan insurans hayat berkaitan pelaburan dengan tempoh pembayaran terhad yang memenuhi matlamat anda bagi keperluan pengumpulan kekayaan, mewujudkan warisan dan kesinambungan perniagaan semua dalam satu — agar anda dapat memastikan orang tersayang terjamin dari segi kewangan.

Pelan ini menawarkan fleksibiliti untuk anda menyesuaikan perlindungan dengan beberapa pilihan tempoh pembayaran premium selama 5, 10 atau 20 tahun dan pilihan tempoh perlindungan sehingga umur 70, 80 atau 90 tahun hari jadi berikut, membolehkan anda mengurus kewangan dan matlamat hidup dengan lebih awal.

Berdasarkan tempoh pembayaran premium pilihan anda, premium insurans yang anda bayar akan diperuntukkan dalam dana unit pada kadar berikut:

Tahun Polisi	Kadar Peruntukan Premium Insurans (%)		
	Tempoh Pembayaran Premium		
	5 Tahun	10 Tahun	20 Tahun
1	86	80	60
2	86	80	60
3	86	80	60
4	96	90	80
5	96	90	80
6	-	90	80
7	-	95	95
8	-	95	95
9 dan ke atas	-	100	100

Nota: Berdasarkan tahap perlindungan dan pelaburan pilihan anda, premium anda mungkin diagihkan pada Premium Insurans dan Imbangan (premium tetap yang melebihi Premium Insurans). Bagi polisi dengan Premium Tahunan Asas yang melebihi amaun Premium Insurans maksimum seperti dibenarkan di bawah keperluan kawal selia berdasarkan perlindungan yang dipilih, lebih amaun akan dianggap sebagai Imbangan. Imbangan akan diperuntukkan pada kadar peruntukan 95% untuk dana unit sepanjang tempoh pembayaran premium pilihan anda.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Pilihan dana unit yang sesuai dengan profil risiko anda

Smart Revive Max memberikan anda akses pada dana yang diuruskan secara profesional. Anda bebas untuk memilih dan melabur dalam dana yang sesuai dengan selera risiko dan gaya pelaburan.

Keterangan Dana

Pilihan dana hendaklah berdasarkan beberapa faktor, antaranya toleransi anda terhadap risiko. Sila rujuk kepada ejen anda ataupun Syarikat untuk mengetahui jenis dana yang bersesuaian dengan toleransi anda terhadap risiko.

Caj pengurusan dana tidak dijamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa dan anda akan menerima notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu. Dana yang sedia ada adalah:

Dana	Penerangan Dana	Caj Pengurusan Dana (tahunan)
Dana Lion Balanced	<p>Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 40% hingga 60%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana.</p> <p>Berkuat kuasa mulai 27 Julai 2026, objektif akan dipinda seperti berikut:</p> <p>Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 30% hingga 70%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana.</p>	1.00%
Dana Lion Fixed Income	<p>Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti bon kerajaan dan korporat serta dalam bentuk tunai dan setara dengan tunai. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebahagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.</p>	0.50%
Dana Lion Progressive	<p>Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 50% hingga 90%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana hingga tinggi.</p>	1.35%
Dana Sejati	<p>Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang diluluskan Syariah, contohnya sukuk kerajaan dan korporat serta dilaburkan dalam kertas/deposit pasaran mata wang Islam. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebahagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing yang diluluskan Syariah (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.</p>	0.50%
Dana Lion Enhanced Equity	<p>Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan Greater China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan) (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana.</p>	1.50%

Dana	Penerangan Dana	Caj Pengurusan Dana (tahunan)
Dana Gemilang	Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan Greater China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan) (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana. Dana ini hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.	1.50%
Dana Lion Small Mid Cap	Dana yang mana 60% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti dengan baki dalam tunai dan/atau bersamaan tunai, yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, membuat pelaburan dalam ekuiti Pasaran Modal Sederhana dan Kecil di Malaysia (50% hingga 100%) ("Small Mid Cap"). Sebahagian pelaburan mungkin dijalankan dalam ekuiti Pasaran Modal Sederhana dan Kecil asing (Asia Pasifik tidak termasuk Jepun) jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana.	1.40%
Dana Lion Advanced Strategic	Dana yang melabur dalam campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang di Malaysia serta syarikat yang mempunyai pengurusan perniagaan ketara di Asia. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh melabur secara tunggal dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti. Skim pelaburan kolektif seperti unit amanah, dana bersama dan dana dagangan bursa yang melabur dalam jenis aset demikian mungkin dipertimbangkan. Dana ini bertujuan untuk memaksimumkan kenaikan nilai modal dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang sambil mengurangkan risiko dan/atau meningkatkan pulangan melalui pertukaran jenis aset secara tepat dan dinamik dalam pelbagai pasaran pada bila-bila masa.	1.35%
Dana Lion ASEAN	Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk memaksimumkan kenaikan nilai modal dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang sambil mengurangkan risiko dan/atau meningkatkan pulangan melalui pertukaran jenis aset dalam pasaran ASEAN pada waktu yang bertepatan serta dinamik pada bila-bila masa. Baki nilai aset bersih bagi dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang jangka pendek domestik termasuklah tunai. Skim pelaburan kolektif seperti unit amanah, dana bersama dan dana dagangan bursa yang melabur dalam jenis aset demikian mungkin dipertimbangkan.	1.50%
Dana Lion US-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P500 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%

Dana	Penerangan Dana	Caj Pengurusan Dana (tahunan)
Dana Lion UK-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi FTSE100 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%
Dana Lion AU-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P/ASX200 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%
Dana Lion Equity Global Sustainability	Dana penyuap yang menyasarkan untuk memaksimumkan pulangan keseluruhan melalui kepelbagaian pasaran ekuiti global dan penyertaan dalam pertumbuhan dinamik bagi pasaran modal dunia. Dana ini diuruskan secara konsisten dalam pelaburan dengan penerapan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. Dana ini bertujuan untuk memperoleh keuntungan sekurang-kurangnya 80% daripada pendedahan pelaburan terhadap sekuriti ekuiti bagi syarikat bermastautin atau perniagaan utama yang berada di negara maju. Sekuriti berkaitan ekuiti termasuk instrumen derivatif kewangan. Dana ini boleh melabur dalam instrumen pasaran wang (MMI), deposit dan tunai, jika ditentukan sebagai bersesuaian. MMI mungkin diterbitkan kerajaan, agensi kerajaan, syarikat dan supranasional, serta mungkin dengan taraf pelaburan, taraf bukan pelaburan atau tiada penarafan semasa pembelian.	1.50%
Dana Lion Physical Gold	Dana penyuap bagi LionGlobal Singapore Physical Gold Fund Class A USD (Acc) ("Dana Sasaran"), manakala baki pelaburan akan dipegang dalam bentuk tunai dan/atau setara tunai bagi pengurusan kecairan dan keperluan operasi. Dana Sasaran akan melabur 90% hingga 100% dalam emas manakala baki pelaburan akan dipegang dalam bentuk tunai dan/atau setara tunai bagi pengurusan kecairan. Dana ini menyasarkan untuk mendapat pendedahan terhadap pelaburan Emas yang tertakluk pada mudah ubah dan risiko yang berkaitan dana emas fizikal. Anda tidak mempunyai akses terhadap penebusan emas secara fizikal atau barangan.	0.60%

Nota:

- i. Walaupun Dana Gemilang dan Dana Sejati melabur dalam sekuriti patuh Syariah, pelan insurans berkaitan pelaburan yang melabur dalam dana tersebut tidak diklasifikasikan sebagai produk berlandaskan Syariah.
- ii. Tertakluk pada terma dan syarat.

Nikmati perlindungan berterusan



Jaminan Tidak Luput

Ciri berharga ini memastikan polisi anda terus berkuat kuasa walaupun jumlah nilai pelaburan menjadi sifar bagi 6 tahun polisi pertama, dengan syarat premium dibayar secara berterusan pada setiap tarikh premium perlu dibayar atau semasa tempoh tenggang, dan tiada penarikan balik dibuat dalam tempoh 6 tahun polisi pertama tersebut.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Pilihan untuk menukar pelan anda apabila polisi matang

Apabila pelan Smart Revive Max anda matang dan sebelum tahun anda mencapai umur 80 tahun hari jadi berikut, anda mempunyai keistimewaan untuk membeli polisi endowmen dengan jumlah asurans tahap biasa atau polisi seumur hidup tanpa taja jamin perubatan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Gambaran manfaat

Contoh perjalanan Smart Revive Max

Bagaimana Smart Revive Max boleh menyediakan perlindungan kewangan pada setiap peringkat kehidupan:



Jason, berumur 30 tahun
Ahli perniagaan dan bapa 2 orang anak



Tanpa Smart Revive Max

Jason memilih untuk tidak diinsuranskan, serta membelanjakan wang untuk perniagaan dan keluarga.

Tanpa perlindungan mencukupi, keluarga Jason berisiko menghadapi kewangan yang suram pada masa depan jika dia meninggal dunia tanpa dijangka atau mengalami TPD.

Jason membuat pinjaman perniagaan untuk mengembangkan perniagaan, menyebabkan simpanan masa depan berkurangan kerana perlu membayar balik pinjaman.

Tanpa cara terjamin untuk mengembangkan kekayaan secara pasif, kewangan Jason bergantung sepenuhnya pada prestasi perniagaan yang sukar diramal.



Dengan Smart Revive Max



Jason membeli Smart Revive Max dengan jumlah asurans asas RM1,000,000 yang melindunginya sehingga umur 90 tahun hari jadi berikut.

Dia mempunyai jaminan perlindungan insurans bagi **kematian dan TPD**, berserta sokongan kewangan tambahan bagi **kemasukan ke ICU**.

Jason membuat penarikan balik sebahagian sebanyak RM100,000 untuk mengembangkan perniagaan. Selepas 24 bulan, jumlah asurans asas beliau **berbalik**¹ kepada jumlah perlindungan penuh RM1,000,000!

Jason mengembangkan kekayaan secara pasif melalui dana unit dan menikmati perlindungan yang diperkukuh dengan **tambahan 5% jumlah asurans asas bagi setiap 10 tahun polisi**.



Dia **dimasukkan ke ICU** selama 5 hari berturut-turut dan perlu berehat daripada kerja untuk memberi perhatian pada rawatan dan pemulihan.

Tanpa perlindungan kewangan, bil hospital Jason memberi tekanan besar terhadap simpanan hasil titik peluhnya selama ini.



Polisi Jason menyokongnya dengan **manfaat kejadian kemasukan hospital** sebanyak 5% jumlah asurans asas bagi 5 hari kemasukan ICU, berjumlah RM50,000 untuk **membantu kos perubatan**.

Walaupun usianya telah lanjut, dia tidak mempunyai pilihan selain kembali bekerja untuk memulihkan kedudukan kewangan.



Jason menikmati usia emas dengan **ganjaran tambahan** RM50,000 yang dibayar pada umur 65, 75, dan 85 tahun masing-masing.

Jason akhirnya bersara dan **meninggal dunia pada umur 85 tahun**.

Jason tidak berjaya mencapai warisan yang diimpikan untuk diwariskan kepada anak-anaknya.



Jason meninggalkan warisan yang diingati keluarganya yang menerima **manfaat kematian**² termasuk **manfaat matang tambahan berganda**³ apabila dia meninggal dunia.



Pembayaran dijamin keseluruhan daripada Smart Revive Max

RM1,550,000

Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital: RM50,000

Ganjaran tambahan: RM150,000

Manfaat diterima semasa kematian: RM1,350,000

Nota:

¹ Di bawah ciri Set Semula Perlindungan, jumlah asurans asas akan berbalik kepada amaun sebelum penarikan balik sebahagian, pada tarikh bulanan caj insurans perlu dibayar pada atau selepas 24 bulan dari tarikh penarikan balik sebahagian.

² Manfaat kematian lebih tinggi daripada jumlah asurans asas + jumlah asurans tambahan, atau jumlah nilai pelaburan.

³ Manfaat matang tambahan berganda akan dibayar dengan syarat semua premium yang perlu dibayar telah dibayar sehingga terkini dan penarikan balik sebahagian dibuat tidak melebihi 5 kali.

Tertakluk pada terma dan syarat lain.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Umur kemasukan minimum ialah mencapai umur 14 hari dan umur kemasukan maksimum tertakluk pada tempoh perlindungan yang dipilih, seperti dinyatakan dalam jadual di bawah:

Tempoh Perlindungan	Umur Kemasukan Maksimum
Sehingga 70 tahun hari jadi berikut	45 tahun hari jadi berikut
Sehingga 80 tahun hari jadi berikut	65 tahun hari jadi berikut
Sehingga 90 tahun hari jadi berikut	70 tahun hari jadi berikut

S: Berapakah jumlah asurans yang saya boleh beli?

J: Jumlah asurans minimum bagi pelan ini ialah RM500,000. Semua permohonan bagi Smart Revive Max tertakluk pada keperluan taja jamin Syarikat yang berkenaan.

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

J: Tiada manfaat akan dibayar di bawah keadaan berikut:

- Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko bagi polisi atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras;
- TPD disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras;
- TPD yang sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko bagi polisi atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian;
- Sakit sedia ada;
- Kejadian kemasukan hospital akibat penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.

Nota: Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran?

J: Anda boleh bayar menggunakan kad kredit, JomPAY, perbankan internet, GIRO, ePAY atau tunai/cek melalui Bank Pemungut (menerusi kaunter bayaran, ATM atau mesin deposit cek). Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Namun, tunai dan cek tidak dibenarkan bagi bayaran secara bulanan.

S: Berapakah yuran dan caj semasa?

J: (a) Caj insurans akan ditolak secara bulanan dan mungkin berbeza mengikut jumlah asurans bersih, umur, jantina, status merokok dan keadaan kesihatan.

Jumlah asurans bersih = Jumlah asurans asas-jumlah nilai pelaburan, tertakluk pada minimum sifar.

(b) Yuran polisi bulanan: RM6.00

(c) Caj pengurusan dana: Anda boleh merujuk pada Keterangan Dana bagi maklumat berkenaan caj pengurusan dana.

Nota: Perubahan pada yuran dan caj boleh dilakukan pada ulang tahun polisi dan anda akan menerima notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada Smart Revive Max tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Notis penting

Smart Revive Max merupakan pelan insurans berkaitan pelaburan dengan tempoh pembayaran terhad. Sebahagian daripada pilihan dana melabur dalam sekuriti diluluskan Syariah. Namun, produk ini tidak berlandaskan Syariah. **Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Premium dibayar sehingga akhir tempoh pembayaran premium atau sehingga kematian atau penamatan polisi, mana yang berlaku dahulu.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi ini adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dikembalikan kepada Syarikat dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan dengan:

- jumlah nilai pelaburan polisi yang berdasarkan nilai aset bersih pada tarikh penilaian yang berikutnya; dan
 - nilai pelaburan unit yang telah dibatalkan untuk membayar caj insurans dan yuran polisi; dan
 - amaun premium yang belum diperuntukkan;
- ditolak dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada.

Nilai aset bersih ialah harga tunggal apabila pemilik polisi membeli unit dalam suatu dana unit dan menjual kembali unit pada dana unit. Jika anda menukar polisi insurans anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Dalam hal pembelian yang melibatkan amaun premium yang tinggi, (contohnya RM5,000 dan ke atas), anda boleh mempertimbangkan untuk membeli pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium tunggal kerana pelan premium tunggal menawarkan kadar peruntukan yang lebih baik untuk pelaburan. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa pelan premium tunggal mungkin tidak menawarkan perlindungan insurans sebaik pelan premium tetap dan mungkin terdapat kurang rider/manfaat tambahan yang boleh dilampirkan.

Anda boleh berhenti membayar premium dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah nilai pelaburan yang mencukupi untuk membayar caj insurans, yuran polisi dan premium manfaat tambahan, mana yang berkenaan. Namun, terdapat kemungkinan polisi menjadi luput apabila caj yang dikenakan, termasuk caj rider, melebihi nilai unit dana yang sedia ada. Pembelian terlalu banyak rider dengan penolakan unit mungkin mengurangkan unit dana.

Sekiranya kelangsungan sebenar polisi berkurangan disebabkan semakan semula caj insurans, Syarikat boleh mengubah Premium Tahunan Asas dan sebarang penambahan pelaburan tetap pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu kepada anda.

Pembelian pelan insurans berkaitan pelaburan merupakan satu komitmen jangka panjang. Penamatan awal polisi melibatkan kos yang tinggi dan nilai penarikan balik bergantung pada nilai pasaran semasa yang mendasari aset dana unit. Oleh itu, nilai penarikan balik mungkin kurang daripada jumlah premium yang dibayar. Nilai polisi mungkin naik atau turun berdasarkan prestasi yang mendasari dana. Prestasi dana adalah tidak dijamin. Risiko pelaburan di bawah polisi akan ditanggung sepenuhnya oleh pemilik polisi. Prestasi sebenar yang terdahulu bukan panduan untuk prestasi akan datang, kerana ia mungkin berbeza.

Sebarang amaun premium yang tidak diperuntukkan untuk membeli unit akan digunakan untuk membayar komisen kepada pengantara dan perbelanjaan am Syarikat. Syarikat berhak menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, dalam keadaan yang dianggap terkecuali.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pernyataan Dana, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma GREAT Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma GREAT Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma GREAT Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTL D
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma GREAT Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma GREAT Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ 03-4259 8888

☎ 03-4259 8000

✉ wecare-my@greateasternlife.com

🌐 www.greateasternlife.com

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.